



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN SOSIAL MURID TINGKATAN EMPAT BERDASARKAN ETNIK DAN
KESANNYA TERHADAP NILAI MORAL DI SMK METHODIST ACS SITIAWAN,
PERAK



05-4506832



NUR ADILLA SYAZWANA BINTI HAZUKI



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh

Tandatangan

Nama Pelajar

No. Matrik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, saya dapat menyiapkan Projek Tahun Akhir ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Azita Binti Yonus, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan projek ini. Segala bantuan dan semangat beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi **ilmu serta** turut membantu dalam penghasilan projek saya.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati atas doa dan dorongan yang diberikan. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan serta bantuan dalam menyiapkan projek ini. Semoga penyelidikan ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





HUBUNGAN SOSIAL MURID TINGKATAN EMPAT BERDASARKAN ETNIK DAN KESANNYA TERHADAP NILAI MORAL DI SMK METHODIST ACS SITIAWAN,

PERAK

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik dan kesannya terhadap nilai moral murid. Sampel kajian terdiri daripada 131 orang murid tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS Sitiawan, Perak. Satu set soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada murid yang dikaji. Data telah **dianalisis** dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 22*. Soal selidik mengandungi item-item berkaitan hubungan sosial dalam kalangan murid berdasarkan etnik, faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persahabatan murid, faktor-faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid dan kesan hubungan sosial terhadap nilai moral murid. Berdasarkan hasil kajian, majoriti responden duduk berhampiran dengan rakan dari etnik sendiri di dalam bilik darjah. Selain itu, responden juga lebih gemar bergaul dengan rakan dari etnik yang sama berbanding etnik lain. Dalam konteks pembelajaran pula, responden juga lebih gemar belajar, melakukan perbincangan kumpulan dan mengulangkaji dengan rakan etnik masing-masing. Berdasarkan keputusan kajian, dikemukakan beberapa saranan yang berkaitan dengan hubungan sosial dalam kalangan murid Melayu, Cina dan India di Sekolah Menengah Kebangsaan.





STUDY ON SOCIAL RELATIONSHIP AMONG FORM FOUR STUDENTS AND THE IMPACT ON MORAL VALUE IN SMK METHODIST ACS SITIAWAN, PERAK

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine on the social relationship among form four students and the impact on moral value. The study sample comprised of 131 form four students from form four in Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS Sitiawan, Perak. A set of questionnaire was used to collect data from respondent. The dData were analyzed using the software of Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 22. The dData collection was based on questionnaires which consist of items on social relationship among students with various ethnic, factors that influence the formation of student friendship, factors that prevent social relations and the impact of on students' moral value. According to the findings, The finding shows that majority of respondents sit nearest with next to their own ethnic friend in classroom. In addition, respondent more The respondents were also prefer to get along mingle with friends of the same ethnic rather than other ethnics. In the context of learning, learning context, the respondents were also more interested in to do the study, group discussion and revision with their own ethnic friends. Based on the results, various suggestions have been recommended and it is hope that will help those involved in teaching and learning to have a better understanding concerning social relationship amongst Malay, Chinese and Indian students in National Secondary Schools.





SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

BAB 1: PENGENALAN

- 1.1 Pendahuluan
- 1.2 Latar Belakang Kajian
- 1.3 Pernyataan Masalah
- 1.4 Objektif Kajian
- 1.5 Persoalan Kajian
- 1.6 Sampel kajian
- 1.7 Hipotesis Kajian
- 1.8 Kepentingan Kajian
- 1.9 Batasan Kajian
- 1.10 Kerangka Konseptual
- 1.11 Definisi Istilah
- 1.12 Kesimpulan

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Sekolah Membentuk Hubungan Sosial Murid
- 2.3 Konsep Etnik
- 2.4 Sejarah Kewujudan Kepelbagaian Etnik
- 2.5 Kesan Kepelbagaian Etnik
- 2.6 Peranan Etnik Dalam Perkembangan Pendidikan
- 2.7 Teori-Teori Sosiologi Berkaitan Hubungan Sosial
 - 2.7.1 Teori Fungsionalisme
 - 2.7.2 Teori Interaksionisme Simbolik
 - 2.7.3 Teori Jarak Sosial





2.8 Kajian Lepas

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

- 3.1 Pengenalan
- 3.2 Reka Bentuk Kajian
- 3.3 Lokasi Kajian
- 3.4 Populasi dan Persampelan Kajian
- 3.5 Instrumen Kajian
- 3.6 Perlaksanaan Kajian
- 3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan
- 3.8 Kajian rintis
- 3.9 Kesimpulan

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

- 4.1 Pengenalan
- 4.2 Analisis Maklumat Demografi Responden
- 4.3 Analisis Hubungan Sosial dalam Kalangan Murid Berdasarkan Etnik di Sekolah
- 4.4 Analisis Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Persahabatan Murid Merentasi Etnik
- 4.5 Analisis Faktor yang Menghalang Hubungan Sosial dalam Kalangan Murid Berdasarkan Etnik
- 4.6 Analisis Kesan Hubungan Sosial Berdasarkan Etnik Terhadap Nilai Moral Murid
- 4.7 Kesimpulan

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN

- 5.1 Pengenalan
- 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian
- 5.3 Implikasi dan Sumbangan Kajian
- 5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan
 - 5.4.1 Cadangan kepada Guru
 - 5.4.2 Cadangan kepada Sekolah
 - 5.4.3 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- 5.5 Kesimpulan



**RUJUKAN****LAMPIRAN****SENARAI JADUAL**

- Jadual 3.5.1 Maklumat Demografi Responden
- Jadual 3.7.1 Jadual Nilai Kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*
- Jadual 4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina
- Jadual 4.2.2 Taburan Responden Mengikut Agama
- Jadual 4.2.3 Taburan Responden Mengikut Etnik
- Jadual 4.3.1 Rakan yang responden paling rapat di sekolah
- Jadual 4.3.2 Rakan yang duduk di kanan responden di bilik darjah
- Jadual 4.3.3 Rakan yang duduk di kiri responden di bilik darjah
- Jadual 4.3.4 Rakan yang duduk di hadapan responden di bilik darjah
- Jadual 4.3.5 Rakan yang duduk di belakang responden di bilik darjah
- Jadual 4.3.6 Rakan yang responden bergaul di dalam bilik darjah
- Jadual 4.3.7 Rakan yang responden bergaul luar bilik darjah
- Jadual 4.3.8 Rakan yang responden bergaul sewaktu rehat
- Jadual 4.3.9 Rakan yang responden belajar bersama di sekolah
- Jadual 4.3.10 Rakan yang responden melakukan perbincangan kumpulan di sekolah
- Jadual 4.3.11 Rakan yang responden mengulangkaji pelajaran di perpustakaan
- Jadual 4.3.12 Rakan yang responden sukar untuk mengekalkan persahabatan
- Jadual 4.3.13 Rakan yang menjadi keutamaan responden unyk membantu sewaktu kecemasan
- Jadual 4.3.14 Rakan yang responden selesa bergaul
- Jadual 4.3.15 Rakan yang responden selesa berbincang tentang budaya
- Jadual 4.3.16 Rakan yang responden selesa berbincang tentang agama
- Jadual 4.3.17 Rakan yang responden selesa berbincang tentang hobi
- Jadual 4.3.18 Rakan yang responden selesa bertukar pendapat dan fikiran mengenai isu semasa
- Jadual 4.3.19 Rakan yang responden selesa bertukar pendapat mengenai pelajaran
- Jadual 4.3.20 Rakan yang responden selesa berkongsi rahsia diri
- Jadual 4.4.1 Faktor yang Mempengaruhi Pembentukan Persahabatan Murid Berdasarkan Etnik





Jadual 4.5.1 Faktor yang Menghalang Hubungan Sosial dalam Kalangan Murid

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian
- Rajah 4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina
- Rajah 4.2.2 Taburan Responden Mengikut Agama
- Rajah 4.2.3 Taburan Responden Mengikut Etnik

- Letakkan 2 salinan soal selidik yang telah disahkan oleh 2 pensyarah pakar FPE sebagai lampiran.





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Malaysia merupakan negara yang terdiri dari pelbagai etnik iaitu majoriti etnik Melayu dan selebihnya Cina dan India yang menetap di seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Menurut Suresh (2014) polarisasi kaum yang jelas berlaku ketika penjajahan Inggeris dan keperluan untuk menyatukan masyarakat yang jauh terpisah dari segi taraf sosioekonomi telah menjadi agenda utama kerajaan sebaik sahaja kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Perpaduan adalah asas kepada pembinaan negara bangsa yang maju dan harus dipupuk dari kecil menerusi masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Justeru, konsep 1Malaysia merupakan salah satu gagasan yang dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri, Dato Sri Mohd Najib Tun Razak untuk merangsang kesatupaduan etnik.

Sistem pendidikan di Malaysia dilihat sebagai medium yang sesuai di mana ia menjurus ke arah pembangunan masyarakat bermula dari peringkat sekolah lagi. Namun begitu, kepelbagaiannya etnik ini memberi cabaran kepada sistem pendidikan negara dalam menyatukan masyarakat majmuk bagi memperkuatkan interaksi dan hubungan antara etnik dalam kalangan murid. Tidak dinafikan peranan sekolah dalam memupuk hubungan serta interaksi baik sesama etnik berbeza ini kerana sekolah ialah tempat terawal pelajar pelbagai etnik





bertemu Noor (2015). Setiap murid mempunyai nilai dan kepercayaan masing-masing yang dipelajari oleh ibu bapa mereka, berdasarkan anutan dan ajaran agama serta etnik murid itu sendiri. Tambahan lagi, anutan agama yang berbeza dan kepercayaan yang pelbagai menghasilkan pelbagai ketidaksamaan sosial dalam masyarakat Suresh (2016). Dalam aspek ini, perbezaan budaya dan agama dapat dilihat sebagai satu cabaran utama dalam usaha memperkuuh pembentukan hubungan etnik dalam kalangan murid di persekitaran sekolah Aziz, Farrah, Aimi & Nurliana (2017). Perbezaan ini memberi impak kepada sikap, tingkah laku dan komunikasi murid dalam menyesuaikan diri dengan budaya persekitaran sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kepelbagaian etnik secara tidak langsung menampakkan variasi dari aspek budaya, bahasa dan adat. Kesefahaman dan toleransi adalah aspek penting dalam memastikan masyarakat hidup dalam aman dan damai, jauh dari konflik dan perasaan negatif terhadap orang lain Adlina, Rosfazila & Hairol (2018). Justeru hubungan sosial pelbagai etnik yang baik memberi kesan terhadap nilai moral masyarakat sejagat.

Menurut Suresh (2014), sekolah bertindak sebagai institusi pendidikan formal yang menerima dan mendidik para murid yang terdiri daripada pelbagai etnik dan latar belakang sosial. Murid yang terdiri dari pelbagai etnik ini bergaul sesama mereka dan mempelajari pelbagai hal merangkumi adat, budaya dan kepercayaan untuk saling menghormati. Hubungan sosial murid pelbagai etnik membentuk dan memperkembangkan masyarakat secara demokratik, kukuh dalam ciri-ciri moral dan etika sebagai rakyat Malaysia.

Menurut Yasmin (2014) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025) terutamanya yang berkaitan dengan isu kepelbagaian etnik dan budaya menggariskan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan bagi mentranformasikan pendidikan di Malaysia supaya menjadi antara pendidikan yang terbaik di dunia. Antara perkara yang akan dilakukan adalah memupuk perpaduan dalam kalangan murid sama ada seseorang murid tersebut berada di sekolah yang terdiri dangan murid yang sama etnik atau sekolah yang terdiri daripada murid yang berlainan etnik.





1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan satu institusi yang berperanan dalam penggubalan dasar bagi mengeratkan interaksi etnik di sekolah sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Pelbagai dasar, pekeliling serta program diwujudkan bagi mempertingkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda. Namun begitu, risiko atau sikap perkauman dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik semakin membimbangkan berdasarkan kajian oleh Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Utusan (2017). Sikap prejudis dan stereotaip dalam kalangan murid mampu memberi kesan ke atas pembentukan hubungan merentasi etnik dalam kalangan murid di sekolah. Sikap prejudis dan stereotaip ini akan menyebabkan murid menimba ilmu dalam satu persekitaran yang penuh dengan nilai syak-wasangka antara satu sama lain Suresh (2017). Oleh yang demikian, ia berkemungkinan boleh mencetuskan pergaduhan antara etnik bukan sahaja di luar malahan kerap berlaku di sekolah. Situasi ini membentuk jurang interaksi sosial antara etnik dalam kalangan murid yang akan mempengaruhi nilai moral yang positif di kalangan mereka. Hal ini disokong dengan keruntuhan nilai moral dalam kalangan murid yang kian meningkat dari semasa ke semasa melibatkan kes seperti buli, mengejek, melanggar disiplin dan lain-lain yang sering berlaku secara berkelompok atau perkauman.

tbupsi

1.4 Objektif Kajian





Objektif kajian ini adalah:

- Mengenalpasti hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah
- Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persahabatan murid dalam kalangan murid pelbagai etnik
- Mengkaji faktor-faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik
- Mengkaji kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang timbul berkaitan dengan tujuan kajian ialah :

- Bagaimanakah hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik di sekolah?
- Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan persahabatan murid dalam kalangan murid pelbagai etnik?
- Apakah faktor-faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik?
- Adakah hubungan sosial pelbagai etnik memberi kesan terhadap nilai moral murid?

1.6 Sampel Kajian

Kajian ini dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS Sitiawan, Perak Darul Ridzuan. Sekolah ini mempunyai tiga etnik yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Jumlah sampel dalam kajian ini adalah kalangan murid tingkatan empat. Seramai 130 orang murid yang terdiri dari pelbagai lapisan etnik diambil sebagai responden.

1.7 Hipotesis kajian





Terdapat 15 hipotesis yang dibentuk berdasarkan kerangka konseptual kajian ini. Hipotesis-hipotesis ini dinyatakan dalam bentuk Hipotesisi Nol pada tahap signifikan $\alpha = 0.05$.

Ho1 hingga Ho4 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut:

Apakah faktor yang mempengaruhi pembentukan persahabatan murid merentasi etnik berdasarkan persamaan budaya, perbezaan budaya, pengalaman persahabatan merentasi budaya atau sosialisasi ketika pertemuan budaya?

Ho1 : Pembentukan persahabatan murid merentasi etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh persamaan budaya.

Ho2 : Pembentukan persahabatan murid merentasi etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh perbezaan budaya.

Ho3 : Pembentukan persahabatan murid merentasi etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh pengalaman persahabatan merentasi budaya.

Ho4 : Pembentukan persahabatan murid merentasi etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh sosialisasi ketika pertemuan budaya.

Ho5 hingga Ho10 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut:

Apakah faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik berdasarkan masalah komunikasi, perbezaan budaya, perbezaan agama, tidak dipercayai, tidak dapat memahami perasaan orang lain atau tidak menerima etnik lain?

Ho5 : Faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh masalah komunikasi.

Ho6 : Faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh perbezaan budaya.

Ho7 : Faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh perbezaan agama.





Ho8 : Faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh tidak dipercaya.

Ho9 : Faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh tidak dapat memahami perasaan orang lain.

Ho10 : Faktor yang menghalang hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik adalah dipengaruhi secara positif oleh tidak menerima etnik lain.

Ho11 hingga Ho15 adalah berdasarkan kepada soalan kajian berikut:

Apakah kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid berdasarkan meningkatkan sikap pilih kasih terhadap etnik sendiri, meningkatkan sikap pandang rendah terhadap etnik lain, kerap memarahi etnik lain, wujud ketidakselesaan terhadap etnik lain atau tidak cukup pengetahuan atau rasional terhadap etnik lain?

Ho11 : Kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid adalah dipengaruhi secara positif oleh meningkatkan sikap pilih kasih kepada etnik sendiri

Ho12 : Kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid adalah dipengaruhi secara positif oleh meningkatkan sikap pandang rendah terhadap etnik lain

Ho13 : Kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid adalah dipengaruhi secara positif oleh kerap memarahi etnik lain

Ho14 : Kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid adalah dipengaruhi secara positif oleh wujud ketidakselesaan terhadap etnik lain

Ho15 : Kesan hubungan sosial pelbagai etnik terhadap nilai moral murid adalah dipengaruhi secara positif oleh tidak cukup pengetahuan atau rasional terhadap etnik lain.





1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti hubungan sosial murid pelbagai etnik sama ada memberi kesan atau tidak terhadap nilai moral murid. Penyelidik berharap agar kajian yang dijalankan berguna untuk pelajar, guru, pihak sekolah dan lain-lain. Antara kepentingan kajian ini adalah :

1.8.1 Pelajar

Hasil dapatkan kajian ini diharap dapat menjamin hubungan sosial murid pelbagai etnik dalam keadaan baik dan meningkatkan serta memperkuuh nilai moral. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar menjalinkan hubungan sosial dengan rakan etnik lain tanpa batasan agama, budaya dan adat resam.

1.8.2 Guru

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru mengenalpasti bagaimana hubungan sosial murid pelbagai etnik di sekolah tersebut. Kajian ini juga membantu guru dalam mengenalpasti faktor yang mempengaruhi hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik dan kesannya terhadap nilai moral.

1.8.3 Pihak Sekolah

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti hubungan sosial murid pelbagai etnik di samping merancang program atau aktiviti untuk memperkuuh hubungan tersebut seterusnya memberi kesan positif terhadap nilai moral murid.


1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan murid-murid di sebuah sekolah menengah di daerah Manjung. Penyelidikan hanya terbatas kepada murid tingkatan 4 sahaja. Seramai 131 orang murid terlibat dalam kajian ini yang terdiri dari kalangan murid pelbagai etnik iaitu Melayu, Cina dan India. Selain itu, dari sudut lokasi dan jenis sekolah pula, kajian ini terbatas kepada sekolah yang mempunyai murid pelbagai etnik iaitu Melayu, Cina dan India.



1.10 Kerangka konseptual

Kerangka teori kajian seperti dalam Rajah 1.1 iaitu nilai moral murid sebagai pembolehubah bersandar dan hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik sebagai pembolehubah bebas.



Rajah 1.1 : Kerangka Koseptual Kajian

(disuaipadankan daripada kajian Suresh Kumar N Vellymalay

tahun 2014,2015,2016 & 2017)

Kajian tersebut dipilih kerana bersesuaian dengan pernyataan masalah bagi kajian ini. Kajian tersebut meneroka implikasi budaya dan agama ke atas interaksi dalam kalangan murid merentasi etnik. Oleh itu, pengkaji memilih pemboleh ubah-pemboleh ubah di atas untuk mengetahui hubungan sosial dalam kalangan murid pelbagai etnik mengikut pola pergaulan mereka di sekolah. Pemboleh ubah-pemboleh ubah daripada kajian-kajian lepas digabungkan bagi mendapat hasil kajian yang lebih tepat.



1.11 Definisi Istilah

1.10.1 Hubungan sosial

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2012), hubungan sosial adalah hubungan antara dua atau lebih individu. Kemahiran ini adalah membantu menjalin hubungan sosial yang lebih baik seperti :

- Membina persahabatan.
- Berbual dengan orang lain.
- Mempunyai budi pekerti yang baik.
- Mempunyai rasa empati terhadap orang lain.

1.10.2 Kepelbagaian etnik

Menurut Hafzan, Zolkepeli dan Khairol (2014), kepelbagaian etnik merujuk kepada kepelbagaian budaya yang merupakan ciri istimewa di Malaysia lahir daripada rakyat berbilang agama dan bangsa. Ini ditekankan apabila menjadi satu daripada enam aspirasi sistem pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

1.10.3 Nilai moral

Menurut Mohana (2018), istilah moral ditakrifkan sebagai tanggungjawab baik dan sifat-sifat terpuji. Mengikut kamus Kiriyavin Thatkala Thamil Akarathi, moral merupakan sejenis peraturan atau nilai murni yang ditetapkan untuk tujuan keagamaan untuk menjalani kehidupan yang berdisiplin. Dalam pengertian falsafah pula, moral ialah satu konsep yang dirumuskan oleh sesuatu komuniti, kumpulan sosial atau budaya bagi menentukan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara yang dilakukan dalam lingkungan budaya masyarakat tersebut.

11.0 Kesimpulan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Keseluruhannya bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Gambaran secara umum berkenaan tajuk telah dinyatakan dalam latar belakang kajian. Isu yang terlibat dalam kalangan murid pelbagai etnik telah dinyatakan dalam pernyataan masalah. Selain itu, objektif kajian ialah perkara yang ingin dicapai di dalam kajian ini bagi membolehkan persoalan kajian dijawab. Bab berikutnya akan mengupas kajian-kajian literatur yang lepas tentang impak hubungan sosial murid pelbagai teknik terhadap nilai moral mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi